

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tempoh kontrak dan juga gaji dan bonus untuk Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Dato' Seri Idris Jala.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang berkhidmat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg Dato' Sri Idris Jala juga secara langsung memegang tampuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU sejak tahun 2009 lagi.

Selama 2 penggal berturut-turut berkhidmat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, emolumen yang diperuntukkan untuk beliau adalah sama seperti emolumen menteri-menteri yang lain mengikut jadual yang sedia ada. Malahan, dalam kapasiti beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, beliau tidak diperuntukkan sebarang emolumen dan beliau tidak menerima sebarang bayaran mahupun bonus sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU.

Sedia maklum, pelantikan YBhg Dato' Sri Idris Jala sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama dua penggal berturut-turut telah tamat pada 31 Ogos 2015 yang lalu. Justeru itu, beliau telah dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai Penasihat Program Transformasi Negara bertaraf Menteri dengan kontrak selama 3 tahun yang disediakan oleh pihak Kerajaan berkuatkuasa 1 September 2015. Dengan perlantikan sebagai Penasihat Program Transformasi Negara bertaraf Menteri, beliau terus kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU selama kontrak tersebut dengan menerima pakej yang sama seperti mana-mana Menteri Persekutuan yang lain.

Sekian, terima kasih.